

# Pengiktirafan bentuk nilai pekerja 'tak berkira'

**Selagi** Menteri Kewangan belum 'membacakan' Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat yang dijangka diadakan bulan depan, selagi itulah masih ada ruang menyuarakan harapan dan permintaan untuk dipertimbangkan.

Harapannya, supaya keperluan tuntutan itu nanti dapat 'diselit masuk' dalam teks pembentangan Menteri Kewangan, yang biasanya disiarkan secara langsung untuk tatapan umum.

Pastinya, belanjawan kali ini amat dinantikan ramai. Pelbagai pihak akan diambil kerajaan bagi mengekalkan momentum pemulihan ekonomi, susulan krisis pandemik COVID-19 yang belum surut penularannya.

Antara pihak menyuarakan tuntutan termasuk

Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mewakili kepentingan 1.6 juta penjawat awam seluruh negara. Permohonan diminta adalah pemberian bonus dalam bentuk gaji bulanan, bukannya lagi bantuan khas kewangan yang sudah menjadi kelaziman dalam setiap pembentangan belanjawan sebelum ini.

Turut dimohon, kadar gaji minimum baharu untuk penjawat awam ditingkatkan daripada RM1,200 waktu ini, susulan langkah kerajaan menaikkan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM2,208. Kemas kini PGK ini menjadikan jumlah rakyat miskin bertam-

bah termasuk kakitangan awam sendiri.

Melihat kepada dua tuntutan ini misalnya, pastinya ada pihak membangkitkan ia bukan masa sesuai untuk permintaan seperti ini dibuat ketika 'kantong' negara tidak berapa penuh. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menyusut 8.3 peratus pada separuh tahun pertama 2020 dan ia dianggarkan menguncup antara 5.5 hingga 3.5 peratus tahun ini akibat situasi ekonomi global yang 'sakit' ketika ini.

Namun diyakini, apa saja keputusan kerajaan terhadap permintaan memabitkan implikasi kewangan oleh CUEPACS atau mana-mana pihak sekalipun, akan diperhalusi dengan baik. Jika ada 'buah tangan' untuk penjawat awam, pastinya ia sudah mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan mendatang serta kemampuan kerajaan.

Apa yang pasti, setiap permintaan disuarakan CUEPACS selama ini dilihat

dalam konteks positif kerana ia mempunyai asas jelas dan bukannya dibangkitkan secara semberono. Permintaan kali ini sebagai contoh, mencerminkan satu bentuk pengiktirafan yang diharapkan penjawat awam daripada kerajaan atas setiap komitmen dan pengorbanan besar yang mereka lakukan, dalam melaksanakan segala dasar dan keputusan diputuskan.

Jika dilihat, pengiktirafan kepada pekerja akan mewujudkan iklim organisasi yang positif, produktif dan inovatif.

Melalui pengiktirafan diberikan, ia sebenarnya menggalakkan lebih banyak tindakan dan merangsang pemikiran seseorang kakitangan untuk mempercayai bahawa mereka memiliki potensi dan kemampuan untuk terus menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan organisasinya.

Pemahaman kepada 'pengiktirafan'

tidak seharusnya terbatas dalam bentuk anugerah semata-mata seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang sinonim dengan agensi kerajaan. Sebaliknya, ia boleh juga diterjemahkan dalam bentuk penyediaan pakej kesejahteraan yang menjamin kualiti kehidupan penjawat awam.

Sekiranya kualiti hidup penjawat awam pada tahap terbaik, ia secara tidak langsung memberi kesan kepada kecemerlangan kualiti kerja dan perkhidmatan diberikan. Jika penjawat awam sudah melangkaui jangkaan diharapkan, maknanya sudah sampai masanya layak dipertimbangkan pengiktirafan 'pakej kesejahteraan' baharu.

Dalam Islam, bekerja adalah suatu amanah yang menuntut kekuatan mental, fizikal dan rohani seseorang. Bekerja dalam Islam juga berkait rapat dengan etika dan moral untuk menghasilkan kerja berkualiti kerana di situlah kerja akan dinilai sebagai ibadah di sisi Allah SWT.

Secara umumnya, apabila setiap kakitangan berasakan organisasi mengambil perhatian kepada pentingnya memberi pengiktirafan, ia secara langsung membentuk satu nilai baharu kepada kakitangan dalam organisasi iaitu nilai untuk 'lebih memberi' dan 'tidak berkira' sepanjang berkhidmat.



**Mohd Zaini Othman**



**Penulis ialah** Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)